

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, February 27, 2020 2:42 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Tingkat Penerbitan Menggunakan Analisis Bibliometrik



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

27 FEBRUARI 2020 / 3 REJAB 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Munirah Mat Din
Gambar oleh: RIMC

TINGKAT PENERBITAN MENGGUNAKAN ANALISIS BIBLIOMETRIK



UUM ONLINE: Berpengalaman luas sebagai konsultan pembangunan sistem dan laman sesawang, Ts. Dr. Aidi Ahmi telah berkongsi tips dan teknik yang berkesan dalam proses untuk menghasilkan artikel menggunakan Bibliometric Analysis di Dewan Seminar Tan Sri Fng Ah Seng, TISSA, baru-baru ini.

Bengkel *Writing and Publishing Article using Bibliometric Analysis* itu telah disertai oleh 30 staf akademik.

Dr. Aidi yang merupakan pensyarah kanan di Pusat Pengajian Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA) berkata, kajian bibliometrik merupakan satu kajian yang menggunakan aplikasi kaedah matematik dan statistik bagi mengkaji pola penerbitan ilmiah.

"Secara asas, ianya merupakan bidang penyelidikan yang mengkaji kandungan bidang ilmu merentasi pelbagai disiplin atau cabang ilmu," katanya.

Dr. Aidi telah menghasilkan lebih 50 penerbitan teknikal dalam bidang kepakarannya iaitu *Accounting Information System (AIS)*, audit dan e-dagang.

Selain itu, beliau juga adalah penerima Anugerah Anak Sarawak 2018 dan terpilih sebagai duta oleh Sarawak Convention Bureau. Pada tahun 2018 juga, beliau telah diiktiraf sebagai Professional Technologist (Ts.) oleh Malaysia Board of Technologies (MBOT).

Sementara itu, peserta bengkel juga begitu teruja dan berharap agar siri bengkel seperti ini dapat terus diadakan pada masa akan datang bagi memberi ruang dan peluang untuk terus memahami dan menimba ilmu pengetahuan tentang bidang tersebut.

Bengkel selama dua hari itu berjaya dianjurkan selari dengan objektif yang telah dirancang dan secara tidak langsung, perkongsian sebegini akan dapat menyerlahkan dan menghasilkan penerbitan berimpak tinggi.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.